



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

ANJUNG SINAR PUSAT TRANSIT SOKONGAN SOSIAL ANAK-ANAK LEPASAN INSTITUSI JKM

PETALING JAYA, 9 OGOS 2023 – Anjung Sinar merupakan pusat transit sementara yang menyediakan sistem sokongan sosial kepada kanak-kanak lepasan institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi memperkasa potensi kanak-kanak dengan menyediakan peluang pendidikan dan kemahiran bagi persediaan ke arah mendepani masa hadapan. Mesyuarat Majlis Sosial Negara Bilangan 1 Tahun 2023 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri telah memutuskan Anjung Sinar sebagai projek rintis di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan dikendalikan sepenuhnya oleh Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dengan kerjasama dan sokongan agensi-agensi di bawah KPWKM serta agensi lain yang berkaitan.

YKN juga berperanan sebagai penjaga serta penjamin kepada peserta Anjung Sinar yang tidak mempunyai keluarga dan yang tidak mempunyai dokumen untuk melanjutkan pelajaran atau lain-lain urusan untuk kelangsungan hidup. Seramai 50 orang peserta daripada lepasan institusi JKM terpilih sebagai kumpulan pertama untuk mengikuti Program Transisi *Boot Camp* yang dijalankan pada 8 hingga 10 Ogos 2023. Program ini mendapat sokongan dan kerjasama daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) serta Majlis Amanah Rakyat (MARA) bagi bimbingan serta laluan peluang kerjaya kepada peserta.

YB Dato' Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YKN telah hadir bagi meraikan kejayaan kanak-kanak institusi JKM dalam Majlis Malam Apresiasi Anjung Sinar 2023 yang mendapat keputusan cemerlang pada peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2022. Seramai 26 orang kanak-kanak institusi JKM yang menduduki SPM tahun 2022 telah berjaya mendapat tawaran daripada pelbagai Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) untuk mengikuti program di pelbagai peringkat pengajian.

Selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) di bawah Artikel 28, semua kanak-kanak berhak mendapat akses kepada pendidikan sehingga tahap tertinggi. Justeru, KPWKM komited dalam memastikan kanak-kanak institusi JKM yang cemerlang dalam pendidikan dapat melanjutkan pelajaran di peringkat tertiar dengan mengadakan kolaborasi strategik bersama pelbagai agensi pendidikan yang berkaitan.

KPWKM mengalu-alukan sokongan dalam bentuk pembiayaan dana pendidikan, peluang kerjaya dan aktiviti pemerksaan khusus kepada anak-anak di Anjung Sinar. KPWKM menyeru kepada badan korporat, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan mana-mana individu yang berhasrat untuk melaksanakan tanggungjawab sosial dengan menyalurkan sumbangan dan menjalinkan kerjasama strategik dengan YKN. KPWKM merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas buat anak-anak ini.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
9 OGOS 2023**